

944/2

Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam
Latihan Semasa Cuti Ogos 2009
Tingkatan : Pra U Bawah

Ekonomi
Kertas 2 Makroekonom

Jawab Semua Soalan

Bahagian A: Soalan Objektif

1. Antara berikut, yang manakah **tidak** tergolong sebagai bayaran pindahan dalam perakaunan pendapatan Negara?
 - A Elaun pengangguran.
 - B Biasiswa kepada pelajar cemerlang.
 - C Bantuan bagi mangsa tsunami
 - D Elaun perkhidmatan awam kepada kakitangan kerajaan.

2. Selepas menjumlahkan nilai penawaran barang dan perkhidmatan sektor-sektor dalam penghitungan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan menggunakan cara keluaran seperti diamalkan di Malaysia, maka perlu
 - A Campur bayaran perkhidmatan bank dan tolak cukai import.
 - B Tolak bayaran perkhidmatan bank dan campur cukai import.
 - C Campur bunga bersih dan tolak cukai import.
 - D Tolak cukai tak langsung dan campur subsidi.

3. Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan Negara sebuah ekonomi.

Butir	RM Juta
Pendapatan Negara	80 000
Caruman KWSP	3 000
Untung tidak dibahagikan	5 000
Cukai pendapatan syarikat	12 000
Cukai pendapatan perseorangan	8 000
Bayaran pindahan	4 000
Bunga atas pinjaman pengguna	2 000
Bunga atas pinjaman kerajaan	6 000

Berapakah nilai pendapatan persendirian?

- A RM78 000 juta
- B RM 74 000 juta
- C RM 72 000 juta
- D RM 70 000 juta

4. Di Malaysia, nilai keluaran Negara Kasar (KNK) adalah lebih kecil daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerana
- Pendapatan faktor bersih dari luar Negara adalah negatif
 - Cukai tak langsung melebihi subsidi.
 - Susut nilai adalah negatif
 - Eksport bersih adalah negatif
5. Antara pendapatan berikut, yang manakah **tidak** termasuk dalam pendapatan negara tetapi termasuk dalam pendapatan persendirian?
- Bunga bersih
 - Pendapatan perusahaan persendirian
 - Cukai pendapatan syarikat
 - Bayaran pindahan.
6. Terdapat dua kaedah pengiraan pendapatan Negara di Malaysia, iaitu
- Kaedah pendapatan dan kaedah perbelanjaan
 - Kaedah perbelanjaan dan kaedah keluaran.
 - Kaedah pendapatan dan kaedah keluaran
 - Kaedah pendapatan dan kaedah tabungan.
7. Antara berikut, yang manakah **bukan** bayaran pindahan?
- Elaun pengangguran.
 - Elaun kepada suri rumah tangga
 - Biasiswa kepada mahasiswa
 - Elaun pengangkutan kepada pekerja
8. Perbezaan antara pendapatan persendirian dan pendapatan boleh guna ialah
- Pelaburan bersih.
 - Cukai pendapatan individu.
 - Pendapatan factor bersih dari luar Negara
 - Susut nilai
9. Antara berikut, yang manakah cara yang **betul** untuk menghitung kadar pengangguran?
- $\frac{\text{Jumlah guna tenaga}}{\text{Jumlah tenaga buruh}} \times 100\%$
 - $\frac{\text{Jumlah penganggur}}{\text{Jumlah guna tenaga}} \times 100\%$
 - $\frac{\text{Jumlah penganggur}}{\text{Jumlah penduduk}} \times 100\%$
 - $\frac{\text{Jumlah penganggur}}{\text{Jumlah tenaga buruh}} \times 100\%$

10 Keluaran Negara sesebuah Negara boleh dianggarkan dengan mengira

- A Jumlah semua pendapatan keuntungan perusahaan.
- B Jumlah semua pendapatan individu.
- C Jumlah semua pendapatan faktor.
- D Jumlah semua hasil yang dikutip oleh kerajaan.

11 Jadual di bawah menunjukkan akaun pendapatan Negara bagi sebuah Negara.

Butir	RM juta
Perbelanjaan swasta	20 000
Perbelanjaan kerajaan	15 000
Pembentukan modal tetap	10 000
Eksport barang akhir dan perkhidmatan	12 000
Import barang akhir dan perkhidmatan	15 000
Pendapatan faktor bersih luar Negara	5 000
Subsidi	1 000
Cukai perbelanjaan	3 000

Berdasarkan jadual di atas, nilai keluaran Negara kasar pada harga pasaran ialah

- A RM 52 000 juta
- B RM 47 000 juta
- C RM 45 000 juta
- D RM 49 000 juta

12

Tahun	Indeks Harga Pengguna	Pendapatan Negara Mengikut Harga Semasa
2002	110	5 000
2003	125	6 000

Pendapatan Negara benar tahun 2003 mengikut harga tetap 2002 ialah

- A RM 4 400
- B RM 5 280
- C RM 5 682
- D RM 6 818

13 Dalam pengiraan pendapatan Negara Malaysia, nilai bayaran pindahan tidak diambil kira dalam pengiraan kerana

- A Ia telah mencampurkan nilai barang perantaraan dengan barang akhir.
- B Ia merupakan sumber pendapatan yang tidak produktif.
- C Mengelakkan pengiraan dua kali.
- D Nilainya dihitung berdasarkan harga pasaran.

14 Dua sektor peringkat kedua yang memberi sumbangan kepada KDNK Malaysia ialah

- A Perlombongan dan pembinaan.
- B Perlombongan dan perkilangan.
- C Perkilangan dan pembinaan.
- D Perkhidmatan kerajaan dan pembinaan.

Bahagian B (Esei Ringkas)

1. Huraikan tiga masalah dalam penghitungan pendapatan Negara. (6)
2. Apakah perbezaan antara keluaran Negara benar dengan keluaran Negara semasa. (6)